

18 MAR 2002

MOGGIE-PROJEK/I

MOGGIE SARAN PENYERTAAN JERMAN DALAM INISIATIF M'SIA-CHINA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MUNICH, 18 Mac (Bernama) -- Syarikat-syarikat Jerman patut merebut peluang untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi memanfaatkan inisiatif bersama Malaysia-China yang melibatkan projek-projek utama sesama serantau, kata Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Katanya, dengan menunjukkan prestasi ekonomi yang kukuh, Malaysia dan China berada pada kedudukan yang baik untuk meneraju projek-projek seperti Keretapi Trans Asia dengan rancangan untuk mewujudkan hubungan gentian optik yang terentang dari Singapura, Malaysia, Indochina hinggalah ke Yunnan dan seluruh China.

"Syarikat-syarikat Jerman boleh mendapat faedah daripada kerjasama dengan Malaysia bagi memanfaatkan inisiatif Malaysia-China melalui rangkaian ini," tegasnya.

Moggie berkata demikian dalam pembentangan kertas kerja khusus mengenai peluang-peluang bagi kejasama dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia pada Forum Perniagaan Malaysian-Jerman yang diadakan di sini, hari ini, sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jerman.

Katanya memandangkan semua perhatian tertumpu kepada pasaran China yang amat besar itu, maka Malaysia boleh menjadi tapak pelancaran bagi syarikat-syarikat Jerman untuk memanfaatkan kumpulan besar pekerja-pekerja ICT yang berkemahiran tinggi dan boleh bertutur pelbagai bahasa dengan bayaran gaji yang berdaya saing.

Moggie berkata, beberapa syarikat multinasional Barat yang mengambil rakyat Malaysia untuk bekerja di pejabat-pejabat mereka di China termasuklah Motorola, Ericsson, Schlumberger dan Alcatel.

"Malaysia boleh juga digunakan sebagai tapak pelancaran ke negara-negara lain di Asia Pasifik yang kebanyakannya mempunyai bahasa dan warisan budaya yang sama dengan kami," katanya.

Forum yang dihadiri oleh lebih 300 orang termasuk 200 anggota masyarakat perniagaan Jerman itu, menampilkan ucap-tama oleh Dr Mahathir bertema "Mencapai Wawasan: Cara Malaysia."

Moggie memberikan latar belakang dan maklumat terkini mengenai pelbagai inisiatif ICT di Malaysia kepada para peserta, khususnya inisiatif-inisiatif di bawah projek berani Koridor Raya Multimedia (MSC).

Moggie berkata, MSC telah menghasilkan pertumbuhan pesat sektor ICT di Malaysia dan buktinya ialah bilangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ICT Malaysia sahaja telah meningkat kepada lebih 1,650 hari ini daripada tidak sampai 300 pada tahun 1997.

"PKS penting bagi kami kerana mereka bertindak sebagai tulang belakang industri ICT Malaysia," jelasnya.

Selain itu, katanya, syarikat-syarikat Jerman, dengan kerjasama rakan-rakan seperniagaan mereka di Malaysia, harus mengambil kesempatan daripada projek-projek baru yang akan dilancarkan dalam aplikasi utama MSC kerajaan elektronik, sekolah bestari, kad pelbagai guna, tele-kesihatan, pusat pemasaran tanpa sempadan, laman web pembuatan seluruh dunia dan kelompok-kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan kemudian ini pula, projek utama pembangunan usahawan teknologi.

Projek-projek baru ini bukan sahaja menangani unsur-unsur yang diperlukan bagi menghasilkan aplikasi utama bagi seluruh Malaysia, tetapi juga memperkenalkan teknologi terbaru dan mempunyai kelebihan, katanya.

Aplikasi yang akan dihasilkan secara berperingkat-peringkat itu juga

bertujuan mempertingkatkan industri-industri sedia ada yang lain seperti kewangan, pembuatan, pengangkutan dan pelancongan ke tahap kecekapan, daya pengeluaran dan daya saingan yang lebih tinggi.

Ia juga akan memberi peluang perniagaan dan penyelidikan kepada syarikat-syarikat yang gigih dan inovatif serta pelabur-pelabur termasuk PKS.

Moggie berkata, reputasi syarikat-syarikat Jerman dan bidang teknologi tinggi memang terkenal di seluruh dunia. Beliau mempelawa syarikat-syarikat Jerman untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia bagi menyertai projek-projek baru itu.

Beliau juga mengalu-alukan firma atau pelabur Jerman untuk menubuhkan pusat-pusat inkubator bagi syarikat-syarikat ICT yang baru bermula di Malaysia.

Katanya, Malaysia kini mengamalkan beberapa teknologi yang mempunyai kelebihan dan berminat untuk bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan Jerman bagi faedah bersama seperti dalam bidang bio-informatik yang ada hubungan dengan kesihatan dan pertanian, teknologi keselamatan yang dipertingkatkan dan teknologi reka bentuk.

"Syarikat-syarikat Jerman, khususnya di Munich ini, terkenal dengan kepakaran masing-masing dalam teknologi reka bentuk, contohnya reka bentuk kereta. Dalam hubungan ini, Malaysia berminat untuk belajar dan bekerjasama dengan pusat-pusat reka bentuk Jerman," katanya lagi. -- BERNAMA

MAM DC FR KY OS